



# Lakaran MUAR

59511906


AK



# Lakaran MUAR



PUSTAKA PERDANA



1013215

## LAKARAN MUAR

28 - 30 November 2019 | Ole-Ole Maharani, Johor

Penerbit

### LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA

No 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

T603 4026 7000 | F 603 40254987

www.artgallery.gov.my

ISBN: 978-967-0914-42-8

© Balai Seni Negara 2019

Hakcipta Terpelihara. Karya yang disiarkan di dalam penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula dalam apa-apa jua cara bentuk dan dengan apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak penerbitan.

### Ketua Pengarah

Prof. Dato' Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa

### Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Amerrudin Ahmad

### Kuratorial

Faridah Hanim Abdul Wahab .

Muhammad Faizal Sidek

Jazmi Mohd Sharif

Adziim Abd Wahab

### Kurator

Syahrul Niza Ahmad Zaini

### Teknikal

Mohd Anuar Abdul Aziz

Mohd Yuzaini Ahmed

Mohd Firdaus Zainal Abidin

Mohd Fadly Hassan

Mohammad Faez Abdul Aziz

Miswan Mohd Mosin

Ahmad Supi Hamid

Mohd Khairul Ishak

Noor Aini Ahmad Shuhaimi

### Penerbitan

Baktiar Naim Jaaffar

Norazmah Rashid

Osmihamidy Osman

### Fotografi

Muhammad Syafiq Saiful Bahri

Mohd Sazwan Abdullah

### Rekabentuk

Norhaslina Ahmad Kamsin

# Kandungan



- 6 PRAKATA**  
Ketua Pengarah  
Lembaga Perlembagaan Seni Visual Negara
  
- 8 PENDAHULUAN**  
Kurator  
Balai Seni Negara,
  
- 12 NOTA KURATOR**  
Kurator  
Balai Seni Negara
  
- 22 SENARAI PELUKIS**
  
- 24 KARYA PELUKIS**
  
- 138 PENGHARGAAN**



BANDAR MAHARANI  
BANDAR DIRAJA

BANDAR MAHARANI TERBUKA  
Muar, Johor  
1988



DARULAT TUANKU

MAJLIS BERKUALITI

# Prakata

---

**Prof. Dato' Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa**  
Ketua Pengarah  
Lembaga Perlembagaan Seni Visual Negara

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) sentiasa mengangkat dan memberi ruang kepada pelukis-pelukis tempatan dan antarabangsa dalam perkembangan seni visual tanah air. Pameran Lakaran Muar ini antara pengisian *Route to Kuala Lumpur Biennale* sempena mempromosikan acara Kuala Lumpur Biennale 2020 (KLB200) yang akan diadakan di Balai Seni Negara pada tahun 2020. Penganjuran KLB buat kali ke-2 ini akan lebih meriah dengan aktiviti seni, usaha dan kerjasama yang telah dijalankan di beberapa negeri mengikut Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur dan juga di Borneo (Sarawak dan Sabah).

Kempen Melawat Malaysia 2020 (VM2020) menjadi saranan LPSVN bagi mengangkat misi nasional, menjadikan acara kesenian ini sebagai jambatan penghubung kepada pelaksanaan kempen VM2020. Melalui program *Route to KL Biennale* ini diharap dapat menarik lebih ramai lagi penglibatan dari kerajaan persekutuan, negeri dan agensi, pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi mempromosikan destinasi pelancongan dan kebudayaan unggul yang bertaraf dunia setanding dengan negara-negara lain untuk berkunjung ke Muar.

Pameran ini mampu menjadikan bandar raya Muar sebagai salah satu tarikan pengunjung, bukan sahaja mempunyai keunikan seni dan budaya malah kaya dengan sejarah gemilang Johor pada masa lampau. Aktiviti kesenian yang diadakan ini merupakan salah satu

cabang dalam memperkasakan seni dan budaya warisan yang diwarisi sebagai khazanah negara yang amat berharga untuk tatapan generasi yang akan datang. Kesenambungan lakaran sketsa Muar ini juga dapat dilihat melalui perkembangan pensejarahan Johor dan identiti Muar, sejajar dalam memelihara, memulihara dan mempromosikan nilai budaya dalam kearifan tempatan.

LPSVN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pelukis yang terlibat dalam menjayakan pameran ini. Semoga pameran ini memberikan manfaat kepada masyarakat dan peminat seni khususnya dalam mencapai hasrat Balai Seni Negara untuk melestarikan pengkongsian ilmu kepada peminat seni visual tanah air.



# Pendahuluan

---

## PAMERAN LAKARAN MUAR

**SyahrulNizaZaini**  
Kurator  
Balai Seni Negara

Pameran Lakaran Muar yang diadakan ini seiring dengan misi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi mengangkat lokasi destinasi pelancongan di Malaysia disamping memperkasakan produk/program pelancongan dan kebudayaan dalam jalinan kerjasama menjadikan negara sebagai destinasi pilihan popular.

Bandar Maharani Muar, Johor dipilih sebagai lokasi bagi *ROUTE TO KUALA LUMPUR BIENNALE (Route to KLB2020)* Zon Selatan. Ia juga merupakan strategi tarikan bagi destinasi pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (VM2020) untuk menjadikan bandar Muar salah satu destinasi menarik untuk dilawati.

Program *Plein Air* yang diadakan pada 28 dan 29 September 2019 merupakan salah satu aktiviti Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Muar, bagi merealisasikan visi kempen Melawat Malaysia 2020.

Program ini diadakan bagi menghimpunkan data pelukis dan penggiat seni dalam pendokumentasian sejarah, destinasi serta kearifan tempatan melalui lakaran lukisan. Ia juga sebagai usaha dalam memastikan setiap program yang dilaksanakan memberi nilai tambah dan impak positif kepada masyarakat secara keseluruhannya.





Program Temasya Senibudaya MUO yang diadakan ini juga menekankan penglibatan pelukis-pelukis dalam meneroka kreativiti melalui tema sejarah pembangunan Muar dan kearifan masyarakat tempatan di sekitar Muar yang dilihat melalui kesenian, sosial, budaya dan latar belakang sejarah dengan penerapan nilai-nilai tempatan dan budaya melalui seni. Hasil yang dilakarkan merupakan dokumentasi visual yang penting bagi pembangunan komuniti tempatan bagi mempromosikan kesenian dan sejarah tempatan ke peringkat global.

Kepelbagaian gaya lukisan dan lakaran telah ditampilkan oleh pelukis melalui gambaran imej-imej pemandangan bandar Muar, bangunan bersejarah, makanan tradisional, pembuatan songkok, pembuatan

kompang dan kuih tradisional yang semakin dilupai. Melalui pendekatan sketsa tempatan ini, pelukis telah menyemarakkan lagi nilai-nilai tradisi serta nilai identiti budaya tempatan di samping memelihara dan memulihara tradisi seni budaya warisan negara.

Program *Plein Air* yang diadakan ini telah menghimpunkan sebanyak 112 orang pelukis dari pelbagai negeri termasuklah penyertaan dari Singapura. Antara pelukis yang terlibat adalah Abdul Rahman Md Kalip, Aisyamuddin Abd Latip, Abey Zoul, Akmal Mohammad, Anisha Hisamuddin, Ashley Lau, Azman Nor, Chan Hua Loon, Chia Chi Keong, Choo Kok Choon, Fairuz Suparman, Farid Raihan Ahmad, Hafidz Musa, Hafiz Hasrulnizam, Hairul Hasbi, Hishammuddin Salmin, Jamal Tommy, Johari Ibrahim, Khairul Lizan, Khalid Mohd Sapari, Koay Shao Peng, Lam Kim Sah, Lau Moa Seng, Lee Chin Chian, Lim Sze Hong, Loh Kheong Foh, Loh Soon Teik, Mohamad Sany Misnan, Mohd Azwadi Asad, Muhammad Akmal Zailan, Muhammad Halmy Siral, Muhammad Harith Haiqal Aprilzal, Muhammad Idham Mohd



Azmi, Muhammad Weedad, Muhammad Zulhafizy Kelana, Muhd Nur Syafiq, Norfaizah Abdul Rahman, Norhiwami Hamiyuddin, Ooi Lee Beng, Rizalman Misran, Sabariah Abdul Rahman, Susan Cheng Shufen, Tay Hock Eng, Teo Serh Chong, Wahida Abdul Rahman, Wan Borhanuddin, Yeo Eng Peng dan Zailani Che Hussein dan ramai lagi.

Terima kasih kepada semua yang terlibat sama menjayakan Program Temasya Senibudaya MUO. Melalui jalinan kerjasama ini diharap seni visual akan terus maju ke peringkat antarabangsa dan dimanfaatkan oleh semua pihak. Semoga usaha murni ini dapat menarik lebih ramai pelancong tempatan dan antarabangsa berkunjung ke Muar.



## LAKARAN PANORAMA MUAR

**Faizal Sidik**  
Kurator  
Balai Seni Negara

### Sejarah dan Latar Belakang Muar

Muar adalah sebuah kawasan terletak sebelah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Muar juga adalah bandar Di raja Johor Darul Takzim yang merupakan salah satu daerah yang terdapat di negeri ini selain Segamat, Batu Pahat, Kluang, Mersing, Kota Tinggi, Pontian dan Johor Bahru. Muar atau lebih mesra dengan panggilan 'Muo' mendapat namanya daripada bahasa Melayu Sunda dari perkataan muara yang bermaksud 'kuala sungai yang membuka dan menyebut luas' yang mengadap Selat Melaka. Apabila orang tempatan sering memanggil kata 'muara' dalam bualan harian, lama-kelamaan terlekat nama Muar dibibir masyarakat. Muar mempunyai sejarah yang panjang dan menarik, tidak dapat tidak kemunculannya sering dikaitkan dengan Kerajaan Empayar Melaka (1403-1511).

Menurut sejarah penubuhan Muar lebih awal daripada pembukaan Kota Melaka. Sejarah Muar boleh dibahagikan kepada tiga fasa iaitu sebelum pembinaan Kota Melaka, semasa zaman kegemilangan dard selepas kejatuhan Empayar Portugis. Sejarawan Portugis Joao De Barros dalam bukunya *Segunda Decada da Asia* (1553) mengatakan apabila Parameswara iaitu seorang putera Palembang melarikan diri dari Singapura setelah membunuh Temagi iaitu raja negeri itu beliau telah berhenti di Muar dan membina kota kayu di kawasan pendalaman yang dinamakan Pagoh dan sekitar 1240 barulah dia membuka


kerajaan dengan bantuan orang Selat yang terdiri daripada orang laut. Sumber dalam Sejarah Melayu pula mengatakan Sultan Iskandar Syah telah dikalahkan oleh Kerajaan Majapahit dan berpindah ke Muar serta membina penempatan awal di Biawak Busuk dan kemudian di kota yang dinamakan Kota Buruk sebelum membuka Kota Melaka.

Pada zaman kegemilangan Melaka pula Sultan Alauddin Riayat Syah I iaitu Sultan Melaka yang ke tiga telah mangkat pada tahun 1488 telah dimakamkan di Pagoh yang terletak di hulu Muar yang boleh diziarahi sehingga hari ini, memperlihatkan hubungan yang akrab kerajaan Melaka dengan Muar ini telah berlaku lama. Pada zaman kejatuhan pula, Sultan Mahmud telah mengarahkan rakyatnya berundur ke Muar dengan membina Kota Bentayan (kini stesen bas ekspres Bentayan) sebagai kubu pertahanan daripada serangan Portugis. Namun kota ini telah jatuh ke tangan Portugis pada 1519 dan Sultan Mahmud berundur ke Pahang dan membuka Johor (Johor Lama) Portugis membinanya semula kota ini pada 1604 dengan nama *Fortaleza de Muar* sebagai kota pertahanan kedua selepas Melaka. Kini Stesen Bas Bentayan dan rumah-rumah kedai di Muar adalah bekas tapak *Fortaleza de Muar*.

## Gunung Ledang di Muar

Memperkatakan tentang Muar tidak lengkap jika tidak menyebut Gunung Ledang yang terdapat di dalam daerah ini. Salah satu sebab kedatangan Barat iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris ke Timur adalah untuk mencari kekayaan. Portugis misalnya datang ke rantau adalah kerana *Mount Ophir* iaitu sebuah gunung berdekatan negeri Melaka yang merupakan simbol kepada kekayaan dengan emas seperti yang terdapat dalam kitab agama mereka. Sebagai kuasa besar abad ke-16 raja dan paderi Barat ini telah menjalankan eksplorasi mereka ke sini. Perkara ini disahkan lagi dengan catatan dari China oleh Laksamana Cheng Ho yang telah berkali-kali singgah ke Melaka untuk melawat lombong-lombong emas di Gunung Ledang semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah yang berkahwin dengan Puteri Hang Li Po. Dalam teks Melayu lama seperti Sulalatus Salatin dan Hikayat Hang Tuah juga ada menceritakan misteri Gunung Ledang ini.

Prosa klasik seperti Sulalatus Salatin yang bermaksud pertuturan segala raja-raja atau lebih dikenali dengan Sejarah Melayu karangan Tun Sri Lanang ada menceritakan tentang Puteri Gunung Ledang yang rupawan. Kisah Meminang Puteri Gunung Ledang menceritakan bagaimana Sultan Mahmud Shah yang merupakan sultan terakhir empayar Melaka yang terakhir sebelum ditewaskan oleh Portugis telah menghantar dua orang suruhannya yang diketuai oleh Tun Mamat



9 789670 914428